



# **DALAM TARIAN SANG PAWANA**

**Sajak-Sajak perhijrahan,  
perbatasan dan masa hadapan  
baharu**


Seorang insan,  
betapa aneh gabungannya!

Semangat meneruskan kewujudan dan  
kebolehhidupannya  
dalam pembebasan;  
tubuh dalam keberpunyaan.

Demikianlah, insan berkelana  
dalam batas sempadan pembebasan  
serta keberpunyaan.

Mencari keabadian.


Masuma Tavakoli



# THE PROJECT


Bahasa merupakan salah satu alat paling berkuasa digunakan oleh sempadan: konsep nan ganas dicipta untuk memisahkan antara “kami” dengan “yang lain” (the other). Ia digunakan untuk memecah-belah, menghapuskan keunikan, menghina, merendahkan; menentukan siapa fasih dan siapa bukan.

Maka, puisi hadir sebagai penawar ampuh kepada bahasa yang sering digunakan secara kejam dan ganas. Medium ini sendiri terdedah untuk pemuisi bermain dengan kata-kata, menggerakkan makna




dan mengubah sesuatu yang kelihatan pejal menjadi lebih cair dan anjal. Dalam ertikata lain, puisi adalah al-Kimia. Ia adalah kuasa.

Kumpulan puisi ini terhasil mengikuti semangat tersebut: melalui siri bengkel puisi tentang sempadan, nasionalisme dan pembayangan masa hadapan yang baharu. Bagaimana kita boleh menggunakan puisi untuk menentang bahasa yang bersifat perkauman dan kebencian terhadap sesuatu yang asing? Bagaimana puisi secara khusus dapat menjawab tema-tema ini dan membayangkan semula cara kewujudan baharu?




Seperti mana wacana tentang migrasi sering dinyahmanusiakan, bagaimana puisi dapat mengangkat dan mengetengahkan pengalaman manusiawi rencam sang berkisar tentang kehilangan, kenangan, keinginan dan keriangian?


Para pemuisi ini merenung semula bagaimana sempadan telah memberi kesan dan mengubah hidup mereka. Puisi menjadi medan bagi mereka untuk mengingati, soal siasat, berduka, menentang dan bermimpi dengan penuh keberanian.



Mereka mengingatkan kita bahawa kekuasaan dapat ditemui dengan cara iaitu kita menegaskan semula kemanusiaan kita saat berhadapan dengan mesin-mesin kezaliman. Kekuasaan itu berada di dalam puisi. Ia berada di antara ruang kalam dan kertas. Ia berada juga, seperti salah seorang pemuisi menukilkan, dalam tarian sang pawana.

—Lily Jamaludin, penyunting






**PUISI**

Kerana jika aku meratapi kita semua,  
maka haruslah jika aku sembuh, aku  
sembuhkan kita semua.

Enbah Nilah





# நீங்கள் எதை இழந்தீர்கள்?

Enbah Nilah

*Untuk moyangku, Munusamy, salah seorang daripada buruh Tamil-Malaya yang diumumkan hilang semasa pembinaan Kereta Api Maut (Landasan Kereta Api Burma). Perkhabaran mengatakan beliau didera oleh askar Jepun kerana memalsukan kehadiran bagi pihak rakan buruhnya yang menghidap penyakit taun.*

Kalau ingatan merupakan satu-satunya  
keranda diberikan kepada engkau dan  
aku barangkali tukang angkat yang terakhir,  
khabarkan kepadaku, bagaimana engkau  
mahu kisah ini diceritakan? Adakah engkau  
mahu aku berlembut dengan tragedi itu?

Mungkin langit mencebik  
dek ketibaan lepuh senja  
di samping angin meniul  
bobokan sial; kala matamu  
merenung gemerlap akhir  
landasan itu yang kelihatan  
seperti ககோலிக்குண் டு <sup>1</sup>  
dan kau hampir boleh dengar  
guli anak-anak kecil berdentingan  
serta berkeletakan dari jauh.

Seketika, kau terlupa suram  
batu kelikir kuari dan bagaimana  
darahmu mengalir dan mengering  
menjadi tompok perang jijik di antara  
gigi acip. Seketika duniamu kembali  
hijau: rimbun dahan tinggi meneduh  
juga kulit kayu yang menumpahkan  
putih susunya seperti ibu baharu.

[1] Goli gundu – permainan tradisional jalanan di India yang mirip Permainan Guli di Malaysia.

உங்கள் இழப்புகளால்  
இந்த நிலம் என்ன பெற்றது?  
பயிர் விதைப்பதற்குப் பதிலாக  
ரயில் விதைத்தீர்கள்.

Apa yang lahir di tanah ini  
daripada apa yang engkau hilang—  
Bukannya benih, sebaliknya  
kau menyemai landasan kereta api.

Besi yang kau pikul menggantikan  
tempat anak-anak perempuan kau  
tinggalkan—adakah ia turut merengek  
sepanjang mimpi ngeri iaitu ketiadaanmu ini?  
Mungkin di suatu tempat di Siam, hingga kini,  
kala bolt melepaskan genggamnya untuk rehat,  
mereka masih merasai karatnya darahmu  
di antara geraham mereka.

Tahukah engkau tidak lagi akan pulang?  
Mahukah aku nukilkan bahawa kau  
meneriak di dalam air berbulan  
lamanya dan mengharapkan  
garam bertukar menjadi  
lautan di tempat  
berlainan;  
bagaimana harapan  
satu-satunya yang memeliharamu  
mengharungi bahang dan wabak;  
atau adakah air mengalir memecahkan  
kepercayaan sementara?

Mungkin maut ialah tetamu budiman,  
seorang yang beradab dalam menziarah;  
pukulan tukul di kepala, tikaman sangkur di dada,  
atau dicampak separuh nyawa ke dalam ungun api.  
Jika tiada jasad ditemui, engkau tidak dikenali.

Jika beribu jasad ditemui sekalipun, engkau masih  
tidak dikenali. Siapakah dirimu di kalangan ribuan lain?  
Hanyalah sebilah rumput diragut terbuang oleh sepasang tangan  
tidak ambil peduli. Namun begitulah, selebih dirimu, benih  
bercambah daripada lalang berselerak di merata dunia.

உங்கள் இழப்புகளால்  
நாங்கள் என்ன அடைந்தோம்?

Apa yang kami dapat daripada  
apa yang engkau hilang?

Seabad yang lebih elok berlalu,  
lidahku masih bengkak  
daripada duka kau telan.  
Melecur dan dahaga selamanya,  
tenggorokku bergelut dengan  
cekak-cekik kisahmu.

Lelangitku cuba membumikanmu  
cuba menapakkan engkau balik.  
Engkau yang tidak pernahku bertemu.  
Engkau yang tidak pernah ibuku bertemu.  
Engkau yang nenekku hanya mampu kebumikan  
dalam kenangannya. Siapakah yang akan  
memujuk pertiwi kala ia mendesak jawab  
tentang jelatanya yang hilang? Apakah  
ia tahu engkau tidak akan pulang?

Kalau ingatan merupakan satu-satunya  
keranda diberikan kepada engkau, khabarkan  
kepadaku—bagaimanakah hendakku  
kebumikanmu?

# Turn-Temurun

Enbah Nilah

*Pada 2002, jurnalis antarabangsa dijemput untuk membuat liputan tentang perjanjian gencatan senjata antara Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) dan kerajaan Sri Lanka setelah hampir dua dekad menumpahkan darah.*

1999

Umur aku 6 tahun;

abang aku berlatih melakukan  
jurus Undertaker kepadaku—<sup>1</sup>

Tombstone Piledriver,  
Chokeslam,  
Hell's Gate...

Aku menangis tapi perlahan merangkak  
masuk ke dalam gelanggang mainan, bertempik:

*Do you smell what The Rock is cookin'!*

kemudian tersembam muka dahulu di atas tilam.

Ia kenal kami begitu

rapat melalui tulang belakang kami membesar  
melalui semerbak bau nafas kami pagi-pagi.

Tilam spring lusuh berumur 24 tahun ini  
jauh lebih tua dan lasak daripada aku.

My brother's eyes roll back

like a soothsayer, he intones,

*You will...rest in peace.*

2002

Umur aku 9 tahun:

Aku belajar nisbah dengan mengukur  
berat badan aku dengan senapang AK-47  
berisi penuh—1:3. Aku tahu pun sebab  
ayah aku, renungannya cengkung dan dihantui,  
mendukung aku ke katil dan menggumam,

*andailah aku ini dilahirkan jauh di seberang  
lautan sana, mungkin kau dah pegang selaras.*

[1] The Undertaker - Ahli Gusti Profesional Amerika Syarikat. Frasa pemikatnya adalah "Rest in Peace."

[2] Frasa pemikat The Rock - Ahli Gusti Profesional Amerika Syarikat

Adakah dia membawa pulang sesuatu bukan  
miliknya dari pendalaman Hutan Vanni?  
Tidakkah dia tahu jangan sesekali<sup>3</sup>  
mengambil apa-apa  
dalam hutan?

Aku cuba untuk makan seolah  
berbadan tiga kerana tidak jauh  
dari sini, budak-budak yang kelihatan  
seperti aku, hilang anggota badan pada  
hari biasa; hilang nyawa pada hari lain.  
Aku perlu bersiap sedia.

2007

Umur aku 14 tahun:

Aku melekat membaca halaman laporan perang  
ayahku yang baharu dicetak; dia pula melekat  
menonton persidangan akhbar dalam televisyen.  
Penulis kata pengantar bukunya menyebut  
Tha-mil-sel-van, mirip nama dalam  
berita yang diumumkan terkorban.<sup>4</sup>  
Cuaca dimendungi asap mengadu domba  
merentungkan sebarang harapan perdamaian.  
Pembaca berita mengumumkan segala kelumit  
harapan telah hangus bersama orang kanan tersebut.  
Ironi ini tidak aku faham, namun ayahku mengerti.

2019

Umur aku 26 tahun  
jenazah ayahku dibaringkan dalam  
keranda putih di tengah-tengah

[3] Vanni- Wilayah utara Sri Lanka yang terkesan oleh perang saudara.

[4] S.P. Thamilselvan - ketua sayap politikal dan interkolutor utama LTTE yang membincangkan perjanjian perdamaian pada 2022 yang terbunuh oleh serangan tentera udara Sri Lanka pada 2 November 2007. Kerajaan Sri Lanka secara rasmi menarik diri daripada perjanjian gencatan senjata dua bulan kemudiannya.

ruang tamu. Tak elok letak gambar orang yang masih hidup bersama orang yang telah pergi tapi kami tak banyak jumpa ayah bersendirian untuk majlis pengebumiannya. Ibuku mengeluarkan timbunan foto lama mendiang ayahku membuat liputan di Senchulai. Ibu mengepilkan sekeping<sup>5</sup> di papan kenangan—dalam foto itu, ayah sedang rancak berbual dengan tiga kanak-kanak perempuan Tamil.

Aku kata,

*Takkan diorang ni lebih tua daripada kita.*

Dia menjawab tanpa ragu-ragu,

*Diorang semua dah takde.*

*Rumah anak yatim itu dibom.*

Apakah ibu mewarisi keterpisahan daripada ibunya—satu-satu mangsa pengeboman Jepun yang terselamat? Ibu meneliti timbunan ktu semula, yakin bahawa jika dia boleh temui lagi banyak mereka yang telah pergi. Dia tidak perlu bertungkus-lumus untuk mencari.

Seminggu kemudian, abangku meleraikan rangka katil kayu dengan kapak untuk membuka ruang kepada barang-barang baharu. Ibu menengking abang dan tanya barangkali dia nak tetak ibu juga, kalau kenangan tidak mempunyai erti dalam dunia ini?

Amarah dan kedukaan yang mencemari udara berbau renta dan tidak asing, jauh lebih tua (tiga kali ganda) dan lasak berbanding umurnya. Aku tak tahu dari mana ia datang tapi aku tahu ke mana ia ingin menuju. Aku perlu bersiap-sedia.

[5] Pada 2006, Kerajaan Sri Lanka menggugurkan 16 bom jenis aerial di Rumah Anak Yatim Senchulai, mengorbankan 61 kanak-kanak dan 3 guru berketurunan Tamil. Lebih 100 kanak-kanak tercedera; beberapa orang kehilangan anggota badan, lain mengalami kecederaan kepala dan terkena serpihan bom.

Umur aku 29 tahun.

Aku dilahirkan kurus untuk tidak makan ruang  
demi lebih-lebih nyawa yang waktunya telah  
sampai sebelum waktuku. Aku berasal daripada  
susur galur pemberian turun-temurun.

Kepercayaan karutku

turun-temurun.

Penyakitku

turun-temurun.

Amarah sialku

turun-temurun.

Namun waris pusaka ini

berakhir

dengan

diriku.

Inilah janjiku:

akanku merangkak  
keluar daripada lapisan  
demi lapisan tanah

keluar

daripada

liang

enam

kaki

dalam ini kuburan milik orang lain.

Akanku tidak wariskan  
apa-apa melainkan segala  
kasih sayang yang pernah  
terpesong, impian terpinggir,  
keriangan tidak terendah.

Kerana jika aku meratapi kita semua,  
maka haruslah jika aku sembuh, aku  
sembuhkan kita semua.

# Berita Tergempar

Enbah Nilah

*Nagaenthran Dihukum Gantung di Singapura Hari Ini*  
*Nagaenthran K. Dharmalingam, seorang lelaki warga Malaysia menjalani hukuman gantung atas tuduhan dadah di Singapura. Mahkamah Rayuan Singapura pada Selasa menolak rayuan terakhir yang difailkan ibu Nagaenthran untuk mencabar keputusan bagi mengetepikan sabitan dan hukuman mati terhadap anaknya.*

*-Tajuk Berita Al-Jazeera, Rabu, 27 April 2022.*

"Jadi Miss..." anak muridku buka mulut,  
lapan minit lambat ke kelas, in medias res  
lalu berseloroh seolah punyai tali di tangannya—  
sebuah tali tambatan di permukaan air.

"Miss tengok tak berita harini?  
Apa pendapat Miss pasal kes Nagaenthran?"

- A. Itu dia, kail yang menyentap  
tali sauh dijatuhkan dalam perutku,  
asin garam dan pahit hempedu  
bergelora dalam gelombang...

Saat ini boleh jadi detik untuk mendidik.  
Tahukah bahawa bunyi lautan boleh  
mengembara merentasi banyak keturunan?  
Maksudnya, raungan nenek moyangku yang mati  
lemas ketika mencari laluan selamat untuk membina  
sebuah kehidupan di kalangan mereka yang hidup masih  
lagi kekal di benua-benua yang dikelilingi badan-badan air

Jika tubuh kita sekurang-kurangnya 50% air,  
agak-agak engkau hairan tak selepas berabad  
lamanya, kenapa kaumku masih berjuang untuk hidup?



- B. Saat ini boleh jadi detik untuk mendidik.  
Aku boleh capai dan pegang hujung lain tali itu, merentasi jarak di antara tanah liat bumi ini ————— dan————— kerikil pepasir lautanku.

Tetapi tali yang digunakan oleh tangan cuai yang tidak berhati-hati boleh menjadi tali tersimpul dan tali tersimpul boleh menjadi tali gantung dan tali gantung sering dijadikan sebagai hukuman mati. Sebaliknya, aku berjalan di atas tali tegang.

C.

“Miss, kitorang nak dengar apa yang Miss rasa! Bagi tahulah.”

- A. Kebiasaannya, mendengar suara mereka yang bersemangat membuat aku rasa bersyukur dengan pekerjaan ini.  
Hari ini, ia menjengkelkan.  
Tidakkah tubuhku bersuara untuk dirinya sendiri?  
Tubuhku tidak mempunyai keistimewaan untuk berdiam diri serta berjaga-jaga mahupun peluang melangkaui pandangan pertama.
- B. Tiap-tiap hari, tubuh yang serupa denganku beransur memasuki institusi kerajaan;  
betapa kurangnya perwakilan kami yang terbuang daripada sejarah;  
malah perwakilan kami digambarkan salah;  
dalam bilik penjara pula perwakilan kami melimpah.

C.

**“Kalau kau belum tahu, kau belum bagi perhatian sepenuhnya.”**

Aku menatap mata mereka yang dipenuhi harapan: dua belas pasang kesemuanya—  
seorang juri terpesona, menganguk untuk aku sambung.

- A. Adik-beradik perempuan Nagaenthran yang sedang meratap itu  
sama umur mereka dengan abang-kakakku.

Raungan luluhawa  
daripada ember purwa  
membengkak dalam batang tenggorokku.

Aku menelan,  
melemaskan ia.

Nagaenthran sama umur dengan kakakku.

- B. Saat ini boleh jadi detik untuk mendidik.

Banyak cara untuk mengistilahkan pelaksanaan:  
menjalankan sebuah perancangan atau hukuman mati.  
Kadangkala ia kedua-duanya.

Kugan Ananthan  
Sugumar Chelladury  
Karuna Nithi Palani Velu  
Dharmendran Narayanasamy  
Balamurugan Suppiah  
V. Mugilarasu  
A. Ganapathy  
Surendran Shanker  
Sivabalan Subramaniam  
Nagaenthran Dharmalingam

Setiap nama  
gaungan pekik  
bergema  
tanpa henti  
dalam lautan  
penderitaan,  
bergetaran  
tulang-temulang  
yang bersemadi  
di dasar lautan.


C. **“Ia hanyalah berita gempar jika ia menggemparkan.”**

Penghijrah yang sedang mencari insan  
nan sesat  
menemui kehidupan hanya dalam  
dakapan hangat  
mereka yang berhati besar dalam jagat  
alam ini.

Orang-orang berhati besar:  
ketidakwujudan tubuh mereka  
dibangkitkan dalam kewujudan semangat  
mereka.

Demikianlah  
ketidakwujudan seorang  
penghijrah dalam kewujudan  
mereka menemui makna dan erti.

Masuma Tavakoli



# (Untitled)

Original by Masuma Tavakoli

Translated by Jack Malik

1

Semangat ini tercipta dari bumi pembebasan

namun bagi keabadian dan pembesaran  
ia haruslah tidak sesekali  
meninggalkan ibu pertiwi.

Semangat nan tidak bertempat  
kini  
dalam kulit sebuah isi  
perlu  
memakai busasa berpunya.

Hanya dengan cara ini  
kewujudannya dipercayai  
oleh semua orang sejagat.

Semangat kini ialah tubuh itu sendiri dan gabungan  
antara dua ini merupakan seorang insan.

Seorang insan,  
betapa aneh gabungannya!

Semangat meneruskan kewujudan dan kebolehidupannya  
dalam pembebasan;  
tubuh dalam keberpunyaan.

Demikianlah, insan berkelana  
dalam batas sempadan pembebasan  
serta keberpunyaan.

Mencari keabadian.

2

Kebergantungan tubuh insan  
di antara sempadan, menangkap  
kewujudannya dalam tahanan

Aku seorang wanita Afghanistan.  
Aku seorang penyair.

Namun, semangat insan yang dibebaskan  
dalam sebuah tubuh merentasi sempadan  
mempercayai kewujudan dirinya.

Aku seorang insan.  
Aku seorang pencinta.

Tubuh insan melepaskan  
diri daripada kebergantungan  
mencapai ketidakwujudan

Ketidakwujudan ini melarutkan tubuh dalam semangat  
lalu membawa insan menghampiri keabadian.

3

Semangat ini  
telah mendirikan sebuah  
ibu pertiwi di dalam tubuh ini

Berat kewujudan ibu pertiwi, digalas pada bahu semangat  
bersama kebergantungan keberpunyaan milik tubuh  
kian bertambah sarat.

Semangat ini tidak mampu menanggung  
beban dan tahanan.

Ibu pertiwi bersama tahanan semangat  
bergabung menjadi ketidakwujudan.  
Kewujudan dalam ketidakwujudan ini  
tidak bertanggung dan membinasakan;  
demikianlah, keabadian itu orang asing.

Tubuh

terasing daripada kebergantungan  
serta keberpunyaan, juga beban  
menjadi enteng bersatu dengan  
penuh kasih sayang  
dalam semangat  
demikian semangat  
lebih bebas daripada pembebasan  
dengan seluruh dirinya terbang  
ke arah keabadian.

Insan nan memberi nyawa dalam  
kemuncak keindahan juga kebijaksanaan  
adalah ketidakwujudan dalam kewujudan.

Kisah seorang penghijrah  
adalah cerita tentang ketidakwujudan kewujudan.

Insan di sebuah ibu pertiwi  
bukan asal usul mereka  
kini dilanda kemusnahan.

Penghijrah yang sedang mencari insan nan sesat  
menemui kehidupan hanya dalam dakapan hangat  
mereka yang berhati besar dalam jagat alam ini.

Orang-orang berhati besar: ketidakwujudan tubuh mereka  
dibangkitkan dalam kewujudan semangat mereka.

Demikianlah  
ketidakwujudan seorang  
penghijrah dalam kewujudan  
mereka menemui makna dan erti.



Artwork attribution: "Courage" by Masuma Tavakoli.

# (Untitled)

Masuma Tavakoli

روح در دیار رهایی خلق می شود

ولی برای رشد و جاودانگی  
باید  
ترک وطن کند

روح آواره  
اکنون  
در کالبد جسم  
باید  
لباس تعلق بر تن کند

چون فقط اینگونه  
هستی‌اش را اهالی دنیا  
باور دارند

روح حالا همان جسم است و ترکیب این دو  
همان آدمی

آدمی  
! ترکیب عجیبی است

روح هستی و بقایش را در رهایی می‌پندارد و  
جسم  
در تعلق‌ها

و آدمی اینچنین سرگردان  
در مرز رهایی و  
تعلق

! در پی جاودانگی



تعلقات جسمی آدمی  
 درون مرزها  
 هستی‌اش را به اسارت می‌کشد .

.. من یک زن افغان هستم  
 .. من شاعر هستم

، روح آدمی اما  
 رها در جسم  
 فراتر از مرزها  
 هستی‌اش را باور دارد

... من یک انسان هستم  
 ... من عاشق هستم

جسم آدمی  
 در رهایی از تعلقات  
 به نیستی می‌رسد .

این نیستی جسم را در روح حل می‌کند  
 . و آدمی را به جاودانگی نزدیک

روح

وطنی ساخته است

درون جسم

بار هستی وطن، بر دوش روح

با وابستگی جسم به تعلقات

. سنگین میشود

روح توان سنگینی  
 . و اسارت ندارد

وطن  
با اسارت روح،  
خود با نیستی قرین میشود  
این هستی در نیستی  
ملال آور و زوال پذیر است  
و این چنین جاودانگی غریب!!!

۴

جسم  
خالی از وابستگی و تعلق  
بار هستی اش سبک  
در روح  
عاشقانه ادغام میشود  
و روح  
رها تر از رها  
با تمام هستی  
به سوی جاودانگی  
پر میکشد  
حیات بخش آدمی  
در اوج زیبایی و دانایی  
این نیستی در هستی ست !

داستان یک مهاجر

روایت همان نیستی در هستی ست .

انسان در وطنی که  
به آن تعلق ندارد،  
هستی اش به یغما می‌رود.

انگاه با درد نیستی  
محکوم به هجرت هست

مهاجر در جستجوی هستی بر باد رفته

زندگی را تنها در  
گرمای آغوش مهربانان عالم می‌یابد.


مهربانانی که نیستی جسم شان در هستی روح شان  
جان گرفته

و همانگونه

معنا میگیرد  
نیستی یک مهاجر  
در هستی آنها.

but what kind of god / is a border / there  
are more beautiful things / to worship / so  
come with me / to the edge / with an axe /  
and a lighter / to see the new world / in  
between the cracks / what color / what  
holy / connection / what music it is / to  
hear the snapping / and fracture / of what  
once divided us / as a new world waited /  
for us / we huddled / in the dark / and  
learned / it was a circle / not a line / that  
created warmth

Lily Jamaludin



# Elegi Buat Alias dan Ima

Lily Jamaludin

*Alias dan Ima merupakan sepasang suami isteri pekerja asing dari Indonesia yang terkorban di Malaysia, ketika sebuah bangunan yang sedang dibina berdekatan Stesen LRT Gombak di Taman Melati roboh pada 2019.*

Di atas kita—bintang. Bergemerlapan di kota  
seperti berlian, perlahan mencerna cahaya,

perlahan menghadam kehilangan segalanya  
di bawah sana. Sebab di bawah

sini, di negara ini, betapa mudahnya kita  
lupa. Penuh kesanggupan. Tetapi segala

ingatan lambat laun pasti  
muncul di permukaan.

Bukankah ini ertinya menghantui?  
Bayang mengingatkan tubuh untuk tidak lupa.

Gema menuntut suara beringat betapa  
Jauh ia boleh pergi.. Pabila kau betul-betul menatap,

kau akan nampak betapa jauh ia dibawa pergi.  
Kaki langit kelihatan seperti batu nisan kerdil,

para hantu berkumandang; gema berlantunan di  
antara tembok negara ini yang mereka bina

dan telah mengebumikan mereka. Menghantui kita.  
Tiap kali aku memasuki tempat letak kereta,

aku akan ingat. Tiap kali aku melalui sebuah  
terowong, aku akan ingat. Kota konkrit. Kota

dosa dan jaya. Kota tuhan tercela di bawah cahaya.  
di bawah runtunan sebuah lagi bangunan roboh.

Kota pendatang. Kota yang dibina oleh keringat  
pendatang, kota yang memerlukan tapi enggan

melihat tangan yang membinanya,. kota  
di mana penduduknya datang membawa nama dan lagu

dan sejarah kehidupan kemudian menjadi penunggu,  
dijualbeli. Menurut makalah akhbar, mereka

menemui Alias dan Ima saling berpelukan. T  
Tangan membentuk ruang perlindungan antara

satu sama lain, mata terpejam  
sebab dulu mereka pernah berada di

tempat lain—bukan di sini. Di jalur masa  
lain,

Alias dan Ima sampai di puncak  
bangunan itu, tangan Alias berehat di belakang Ima,

berjanji yang esok  
mungkin berbeza. Bintang kelihatan sama

seperti zaman bocahku dulu, kata Ima. kelihatan seperti berlian perlahan mencerna  
cahaya. Kau pernah memiliki nama yang dipanggil

dan didodoi oleh seorang ibu. Pernah masa hadapan menanti engkau  
dan tuhan lena di langit. Di kota ini, ingatan harus menghantui

kita, harus memburui kita. Aku tak boleh berhenti mendengar  
nama-nama yang dikebumi dalam tanah—seakan-akan koir. Dikir

kelam seribu lingkaran cahaya kudus yang bersinar  
dan kota pusara kita berpaling ke arah langit.

# Berapa Nota Tentang Patriotisme

Lily Jamaludin

sempadan ini / bukan garisan / ia sebuah penipuan / kita telan / di negeri ini kita kata kita menyayangi mereka yang mencintai / tuhan dan mereka yang menyembah-Nya / namun kita pendusta / kita tidak menyayangi saudara / mara kita / cinta kita bersyarat / tersentak-sentak / cinta kita terbatas / bersangkar / betapa jelas, siapa kita sayangi / dan terima / ada baiknya untuk kita tahu bila orang menipu / bila negara menipu / ada baiknya untuk tahu keganasan / memakai beraneka topeng / bagaimana patriotisme terasa seperti cinta / dan kedua-duanya digunakan untuk menyorok bahaya / cinta kenegaraan tidak terbentang / saujana mata memandang / tidak menentang atau menggoyah / bentuk mereka yang kita cinta / ia mengecut dan melentur / memenuhi permintaan mematuhi / garisan / dan tidakkah sepatutnya kita tahu / selepas garisan / akan tiba pembahagian / selepas pembahagian / sebuah kategori / mula-mula “dalam” / kemudian “luar” / kemudian “kami” / dan seterusnya “mereka” / dan seterusnya “baik” / dan “jahat” / “layak” / dan tidak / setiap kata dibanjiri / sejarah dan ketakutan / baharu / garisan bukan garisan semata / ia alat dalam genggam / bertahun lamanya / tanah dan air / pernah suatu ketika liar dan tidak terpisah / terdapat ayat sakral untuk / sejenis penyatuan itu / namun kita sudah lupa / sebuah garisan / mentadbir jasad kita / dan segala jasad air / kini / pelbagai kategori / sebuah garisan melindungi dan mempertahankan / “Malaysia” / “warganegara” / “pendatang” / “pelarian” / “dengan izin” / “tanpa izin” / “sah” / “haram” / “tidak bernegara” / “asing” / tetapi tuhan jenis apakah / sebuah sempadan / banyak lagi perkara indah layak / disembah / maka kemarilah kepadaku / di perbatasan / dengan kapak / dan pemetik api / untuk melihat alam nan baru / di antara celah-celah retakan / betapa warna-warninya / betapa kudusnya / ikatan / betapa merdunya / mendengar repihan / dan rekahan / sesuatu yang dahulu memisahkan kita / sementara alam baru menanti / kita / dalam kegelapan / kita berhimpit-himpit / dan belajar / bahawasanya bulatan / bukannya garisan / yang memberin kehangatan

# Tuhan di Sempadan Malaysia

Lily Jamaludin

lingkaran nyamuk menyala  
di sebuah bilik di belakang. Garissamudera terbentang sepanjang  
medan penglihatanku. Bukan negara kau

Tapi aku yang punya. Rimbunan  
buah-buahan melebat, kadangkala  
udara pekat leting manisnya.  
Bumi begitu sarat semangat ia  
terasa seperti sebuah janji

dan kau telah rberjanji kepadaku.

*[di sini, tuhan mendekati sempadan dan menyentuh bumi.]*

ntuk tidak menetapkan batas  
di mana tiada . Engkau  
memberitahuku kau mengerti.  
Negara ini harus terbuka seperti  
nafas menerpa memasuki tubuh

dan kau hidup.

Sebaliknya, kau membataskan  
sempadan di tanah

*[tuhan meneruskan upacara  
perasmian memotong riben.]*

Kau membataskan sempadan  
di dalam dan sesama tubuh manusia.

*[suara tuhan, makin tinggi,  
kian menjadi tenor berdering  
dan berdetar dalam dada.]*

Sempadan engkau menjadikan  
negaraku pembunuh:



jasad dibiarkan terkandas  
berminggu-minggu di lautan  
tanpa tempat untuk berlabuh;  
jasad tertanam di bawah pencakar  
langit; jasad dicampak ke dalam  
sangkanar dan ditinggal untuk mereput mati—

Dan untuk apa?

Untuk apa?

*[suara tuhan, mulai halus.  
seakan lembut. seakan menghina.]*

Untuk ini?

*[Tuhan mengangkat bendera. Rasakan kainnya.  
Ada sebuah detak. Kemudian tuhan mengilai  
dan mengilai dan mengilai terbahak-bahak.]*

Jangan jadi bodoh.  
Jangan tersalah antara orang dan tuhan,  
Atau antara hukum dunia dan hukum kudus.

*[kini, tuhan mengoyakkan bendera dari tengah..]*

Tidak, jangan tersalah anggap kain  
sebagai tuduhan kesetiaan engkau.

*[Tuhan menghancurkan bulan sabit kuning  
menjadi sampan, menocang jalur merah  
dan putih menjadi tangga tali.]*

Kau faham tak apa aku cuba sampaikan?

*[Tuhan meregangkan bintang berbucu  
empat belas menjadi jambatan.]*

Semua ini boleh dibuka

dan terbuka.

kau faham tak?  
inggalkan kampung  
halaman berertimempercayai

janji-janji orang yang tak dikenali..  
Engkau ialah orang yang tak dikenali.

*[Tuhan menuding ke arah engkau  
lalu kau menyerah dan bersujud.]*

Sama macam benda lain,  
engkau adalah ciptaan.

*[Tuhan berfirman, menuding ke arah  
engkau dan kau dilucutkan senjata.]*

Engkau adalah  
suruhanku.

*[Tuhan berfirman,  
dan kau menjadi sebahagian daripada sesuatu yang lengkap.]*

Tidaklah engkau dijadikan  
untuk berpecah  
mahupun membunuh.  
Engkau dijadikan untuk  
semua pertemuan terjadi.

*[apa yang tersisa daripada bendera itu  
hanyalah petak sempadan biru. tuhan  
merobek sebuah lubang di antaranya  
lalu berfirman:]*

Sekarang, lintaslah.

(Puisi ini meminjam sebaris daripada *Complaint of Rio Grande* oleh Richard Blanco: “I was meant for all things to meet [aku dijadikan untuk semua pertemuan terjadi].”


“Ini bukan tempatmu,  
mana asalmu?”

Aku berdiam diri dan menjawab,

“Aku berasal dari...

Sirat antara sarat surat lidah;  
jarak antara bintang bertaburan dalam  
kalbu para bulbul dan bait pawana;  
dalam setiap lagu-lagu mereka yang  
gugur  
serta syair para bunga-bunga; dalam  
kepulauan  
riang-tawa dan setiap senyuman  
tercatat; dalam paparan  
sejarah dan sakar kenangan silam.”

K.K.



# Saksikanlah,

K. K.

Aku di sini  
sekalung luka dek peperangan  
shiruphela nafas antara perbatasan  
seekor burung yang berjiwa patah

Aku di sini  
sebentuk huruf dari runtuhan kota  
sebaris ayat dari seorang pelarian  
seorang terbang sedang berhiba

Aku di sini  
di taman para pelarian  
bunga yang dilupai bayu  
ingatan sebuah kenangan  
tersesat dalam awang-awangan  
ketidakpastian

Aku di sini  
menyandar pada bayang harapan  
lubangnya kekalahan terbenam dalam  
diriku seperti seruling kehilangan lagu.

Aku di sini  
solat terakhirku dikebumikan  
di bawah teduhan menara yang  
dipenggal kepalanya dengan tanpa  
sebarang apa pun milikku kecuali  
lamunan sebuah kampung halaman

Aku di sini  
mencari lindungan  
barangkali itulah satu-satunya  
dosaku usahlah khianatiku  
usahlah khianatiku kalungkanlah

Kalungkanlah diriku  
bukan dengan mahkota  
prasangka tetapi dengan  
bunga-bunga kebebasan seperti  
tetamu kalbumu di gerbang rahmatmu

Lucutkanlah hijabku  
bukannya hak asasku  
bahkan jangan kau ceraikan  
daku daripada perikemanusiaan  
bukakanlah pakaianku  
daripada busana sekatanmu

Bebaskan aku  
daripada rantai penghinaan  
daripada menjadikan aku penjenayah  
di pusat-pusat aku ditahan

Dengarkanlah  
pelarian bukan diriku  
hakikatnya kehidupanku  
lebih daripada sekadar istilah itu

Ingatkanlah  
andai kata kugugur  
di dalam penjara kebungkamanmu  
andai kata engkau kebumikanku  
di dalam kubur keterlupaanmu

Saksikanlah  
betapa engkau menganggap  
diriku halimunan demikian  
mungkin engkau mampu  
melihat diriku, diriku, diriku  
juga seorang manusia.

# Pengajaran Dalam Proyeksi

K. K.

Kata mereka kalau aku  
seorang pelarian maka aku  
adalah beban diabdikan; bayang  
antara zaman; sesuatu nan usang.

Kata mereka kalau aku  
seorang pelarian maka aku  
semestinya lidah tanpa warna;  
loghat yang terlupa; barang peninggalan  
terbongkar dari sebuah bandarmaut kuno.

Kata mereka kalau aku  
seorang pelarian maka aku  
merupakan sempadan dalam sempadan;  
teka-teki yang direnungi; kebingungan tanpa nama.

Kata mereka kalau aku  
seorang pelarian maka aku  
semestinya sejarah tercemar  
diperbuat daripada pemisah dan fakad;  
bahawa aku ini adalah tahyul yang masih wujud.

Kata mereka kalau aku  
seorang pelarian maka aku  
“binatang jalang daripada kumpulannya terbang”;  
membikin kaos di setiap tempat aku bersarang;  
sebuah wabak; penyakit masyarakat.

Kata mereka kalau aku  
seorang pelarian maka aku  
semestinya sebuah pertunjukan;  
sebuah muzium kecelakaan; pertentangan  
yang terbahagi; ironi dalam bentuk yang nyata.

Kata mereka kalau aku  
seorang pelarian maka aku  
ialah seekor gazel yang terpisah  
daripada kawanannya yang terluka;  
sedang mencari mukjizat air dan langit  
seolah-olah aku menghampiri kepupusan.

Maka aku bertanya,  
“Kisah siapakah aku warisi?”  
Lalu mereka berkeras,  
“Ini bukan tempatmu,  
mana asalmu?”  
Aku berdiam diri dan menjawab,

“Aku berasal dari...  
Sirat antara sarat surat lidah;  
jarak antara bintang bertaburan  
dalam kalbu para bulbul dan bait pawana;  
dalam setiap lagu-lagu mereka yang gugur  
serta syair para bunga-bunga; dalam kepulauan  
riang-tawa dan setiap senyuman tercatat; dalam paparan  
sejarah dan sakar kenangan silam.”

# Musim Simuraq

K. K.

Mereka bangkit, bangkit  
dari runtuhan debu peperangan  
seperti Simuraq yang terbang  
daripada alam barzakh

Mereka bangkit dan bangkit  
seperti monolit kelahiran semula  
daripada ufuk sempadan berlainan  
seperti buangan syurga mencari firdausi di bumi

Mata berparut  
kulit didewasakan mentari  
tanpa sepatu; di dalam kolek  
berhati patah dan tubuh berdarah.

Mereka bersesak-sesak di pesisir beku,  
pesisir sama yang memulaukan ramai menuju  
kematian awal: lemas, terkorban, tertewas.

Bekas peninggalan bumi dijarah  
membawa duka seperti pasport:  
dari sempadan ke sempadan suara  
mereka menjadi bayang abadi,  
hancur musnah oleh putus harapan

Karat dalam kalbu mereka;  
karat di dalam genggaman mereka—  
Dunia mereka hanyalah pasir dan debu.

Berampus!  
Berampus!  
Pendantang!  
Haram jadah!  
Berampus ke rahim  
pertiwimu yang terbakar.

Mereka menemui pemisah, semua  
tempat pemisah—dalam senarai kerja kosong;  
dalam sijil-sijil pernikahan. Mereka terikat dan terpisah.



Mereka tidak bercita-cita;  
tidak berani untuk berharap,  
menjadi sebuah perbualan  
muka diconteng arang dan bayang.

Terpahat di sumsum malam,  
digigit prasangka buruk, dalam  
malap ceruk mereka menulis  
elegi firdausi; pada tiang-tiang  
kekalahan tubuh mereka terkurung  
namun roh dan semangat mereka bebas.


Maka mereka bangkit dan bangkit  
melempi kabut ketakutan dan perbincangan  
kejahilan; melangkaui sempadan prasangka buruk.

Mereka bangkit dan bangkit  
meratapi dalam rangkap-rangkap  
menyanyi dalam soneta-soneta  
bermaruah dalam buangan mereka.

Jikalau api tidak mampu menjilat  
mereka di bandar-bandar termusnah;  
jikalau peluru tidak mampu menembus  
tubuh-tubuh kudus mereka; jikalau mereka  
terlepas daripada rahang sakarat, sesungguhnya  
kata-kata tidak akan membunuh mereka.  
kata-kata tidak membunuh.

Suaraku sarat dan terpateri,  
mendambakan untuk dirobek  
dihancuri; untuk menari bersama  
pawana dan bersama bilah suria  
membinasakan serta tersejat di  
sempadannya demi menangkap  
setiap titis-titis hujan.

P. J.



# Menggami Harapan

P.J.

Kugenggam harapan yang kubina  
dengan keberanian. Jadikan keringat  
dan darah tinta. Kadangkala pantas  
dari panas ke dingin ia mengalir  
melawan perintah dan mengecil.

Kadangkala, perasaan melepaskan  
genggaman semasa dugaan menyerbu  
menerpa nafasku. Kertas, halaman, baris  
tanpa penyesalan, hidup dan cinta, ayat  
bertatahkan manikam berlian permata.

Kugenggam harapan, segelombang  
pasang surut perkataan, senaskhah  
buku cetak biru edisi terhad. Kuharap  
ia akan menyuluh dunia dengan cahayanya  
menyaksikan harapan yang kugenggam  
ini bukan sahaja milikiku.

Kerana kita semua menggenggam harta  
jagat raya demi menguraikan misteri  
kebolehjadian. Menyasar untuk melepaskan  
tembakan kepada hati nan tidak mudah lentur  
dan menyalakan jiwa dengan harapan nirsempadan.

Harapan yang kugenggam:  
tanpa batas dan bebas.  
Ia milik engkau dan aku.

# Pengembaraan Bajau

P.J.

Hidup memakai hari nan biru sebagai samaran.  
Waktu yang hanyut menolak rapuh layar.  
Suara gemerincing Gondwana dalam lautan.  
Udara pun membongkar sisi sang penagih  
membawa semerbak sejarah.

Kerut wajah mereka memaparkan syurga dan kebahagiaan;  
neraka dan keresahan pada ketap bibir rapat memateri.  
Kitaran kewujudan yang tidak peka terus mengekori  
kerana perjanjian sang kuasawan kiblatnya terpesong.

Di sepanjang batu karang dan rumpai laut,  
mekar bunga-bunga dan buah-buahan.  
Namun mereka meratapi timbul akar  
mereka dalam kebisuan. Para gipsi  
lautan, penjaga pusaka dan adat.  
Hidup penuh nikmat di negara  
sengsara nan sarat.

# Penamat Garis Batas(penipuan)

P.J.

Aku tersesat di antara  
identiti aku—diriku sendiri.  
Kalbuku digari dalam dunia  
yang kelihatan bulat namun  
jelas sebenarnya sebuah  
kotak penipuan.

Jadi atau tidak jadi—langsung  
tidak boleh disoalkan, namun  
macam mana boleh ia terjadi?  
Di manakah yang kononnya  
dipanggil kemanusiaan?

Apakah ia berada di alis kening  
terjungkit, menjeling atas-bawah  
dengan senyum sinis?

Atau ia tersembunyi di sebalik  
bahu membeku yang berlantunan  
tanpa sebarang penyelesaian?

Apakah kewujudan sesuatu yang hina?  
Atau dosa untuk pameran wajah sebenar?  
Atau menyamar di sebalik topeng adalah  
cara untuk kita rasa terjamin?

Suaraku sarat dan terpatери,  
mendambakan untuk dirobek  
dihancuri; untuk menari bersama  
pawana dan bersama bilah suria  
membinasakan serta tersejat di  
sempadannya demi menangkap  
setiap titis-titis hujan.


Masyarakat bersifat "tangan terbuka" dan atribusi mereka memiliki maksud berbeza. Maka, isyarat paling bermakna ialah membelok kiri dan bersalah. Dan tiada langsung—tidak ada langsung cara untuk membetulkannya. Tidak ada juga jalan keluar, melainkan untuk melompat ke dalam timbunan jarum. Menjahit lopot; menyemat garis; menggantung kelipat; menerima kepelbagaian.

Kemudian, potong—  
guntingkan petak hujung  
lidah dan berikan peluang  
untuk mengubah tipu helah  
menjadi garis cerah, lurus dan adil  
demi meranapkan dan memusnahkan  
rantai-rantai pembatasan serta kesan tertapisnya.

Mari tamatkan...  
Mari tamatkan segala  
persengketaan sifat-sifat  
menapai masam dan pahit  
manis mimpi demi kenyataan  
Perpaduan segala warna nan gemilang.

Biru di atas, biru di bawah;  
langit dan laut, laut dan  
langit dan bumi.  
Tanah airku: asal dan asing.  
diaspora di negaraku sendiri.  
Dia spora: terapung di bawah  
bayu.

Bethany Luhong Balan



# Daleh

Bethany Luhong Balan

*\*Daleh is a Kayan word meaning place/locality/country/homeland*

Apakah perkataannya untuk apabila kau berasal daripada ibu ayah dan bukan orang lain; apabila pulang ke kampung tidak rasa seperti perjumpaan semula tetapi lebih kepada petualangan ke negeri asing. Biru di atas, biru di bawah. Langit dan laut, laut dan langit tanah air: asal tapi asing. Saujana bumi asing yang kau hanya pernah sekali lawati dalam mimpi; penduduk tempatannya bertutur seperti ombak berhempasan di pesisiran. Engkau tidak memahami sepatah haram apa mereka katakan tetapi kau kenal bunyi ayat-ayat itu.

Apakah perkataannya untuk apabila namamu adalah himpunan sempadan; gambar rajah venn garisnya halimunan; gelombang kelepak bertindih menindih biru di atas, biru di bawah selautan ketidakpastian di bawah selangit keraguan: aku suka berenang tetapi tidak mampu aku merandai selamanya.

Apakah perkataannya untuk apabila satu-satunya perkara nyata engkau miliki di tempat nirufuk ini ialah nama ayahmu demikian, engkau berpaut pada nama itu sekuat-kuatnya sehingga terasa sembilu menekan jemarimu. Nama ayahku Balan ia bermaksud “batas”: batas sungai, batas peta, batas dunia. Perkataan dalam bahasa yang aku sudah lupa bagaimana untuk bertutur: namaku adalah himpunan sempadan dan aku berjalan melalui imigresen setiap hari, menyeludup keyakinan kontraban dan keaslian haram; tersorok dalam kocek, tersembunyi dalam lipatan



kain dan kulit, tergantung dari takuk tulang dadaku  
tatu kembar berdetak sebelah menyebelah jantungku.

apakah perkataannya untuk  
apabila kau ingin diakui kau  
perlu terlebih dahulu belajar  
mengambil tempat ketika kau  
tidak diterima di mana-mana  
dan lakukannya dengan sengaja  
ketika tiada seorang pun mengajar  
engkau bagaimana.

Apakah perkataannya untuk  
apabila serba salah tumbuh  
seperti cendawan setelah hujan  
ketika saujana bumi dirimu tanah  
subur untuk kalaulah-andailah-sekiralah  
sewaktu aku bertutur aku seperti anak sedang  
bertatih atau, minta simpang, pelancong  
catatan dalam jidar kamus Kayan-Inggerisku  
garis tindih-menindih yang aku surih dan padam  
dan lukis semula. Namun dedahan Kayo' Urip  
yang berlingkar sukar untuk ikuti jika 'ika jan  
jan dahun Kayan. Biru di atas, biru di bawah  
langit dan laut, laut dan langit. Hanya melalui  
usia kau rasa terapung saling tak tumpah  
seperti terbang. Dan perkara yang menidakkan  
engkau daripada pusaka engkau hanyalah  
garis-garis halimunan dilukis oleh orang tua  
renta yang kononnya telah lebih makan garam;  
memaksa anak muda setahun jagung  
tersurih dan terpadam dan terlukis semula olehmu:  
engkau lebih tahu tapi asal ayam pulang ke  
lambung, asal itik pulang ke pelimbahan  
dan tiada siapa yang mengajar engkau  
merasa dipunyai dan diterima bukanlah  
saling melengkapi. Biru di atas, biru di bawah;  
langit dan laut, laut dan langit dan bumi  
tanah airku: asal dan asing.  
diaspora di negaraku sendiri  
dia spora: terapung di bawah bayu—  
mungkin sebab itu aku sangat sukakan  
berenang, sebab selama ini aku hanyut,  
terapung terlalu lama sehingga  
petualangan terasa seperti kepulangan

## Translations:

1. **pulang kampung:** returning home (to the village) - Malay
2. **Tanah air, asal tapi asing:** Homeland, original but foreign - Malay
  - a. *Note: Tanah means land and air means water*
3. **Kayo' Urip:** Tree of Life - traditional motif - Kayan
4. **ika' jan jam dahun Kayan:** you don't know how to speak Kayan - Kayan
5. **Tanah airku, Asal dan asing:** My homeland, original (Indigenous) and foreign - Malay
  - a. *Note: the capitalisation in "Asal" is a nod to Orang Asal, the Malay phrase for Indigenous people*
6. **dia spora: they are a spore** - Malay

# Bunga Kantan

Bethany Luhong Balan

Digantikan bulu dengan pelepah  
aku adalah makhluk yang telah  
lama meninggalkan keselesaan hidup kata mereka  
bertongkat tebulama kelamaan berpantang hati t  
etapi aku percaya mereka tidak pernah  
berurusan dengan perjalanan antarabangsa dalam dunia pasca kovid  
(namun apalah rumah kalau bukan  
empat penjuru dan sebuah pintu boleh selak)

Aku tidur di sebelahmu di dalam pangsapuri Singapura yang kerdil  
ini dengan hujan musim tengkujuh memalu jendela  
aku tutup mata dan mimpikan Sungai Asap  
maniknya dan kalinya dan pokok-pokoknya menjulang hinggakan  
lenguh untuk memandang mereka  
terdapat sepetak tanah di taman beberapa tangkai bunga kantan ditanam  
pihak pengurusan memberi amaran kepada jurumasak  
acah dengan menggunakan tali rafia  
dan poster menyatakan “Dilarang Sentuh”  
hanya warga Singapura sahaja mampu menjadikan bahan masakan  
semata-mata perhiasan langsung tidak berguna  
aku berjalan pulang daripada membeli barangan dapur  
dan wangiannya mengingatkan aku kepada lidah ayahanda  
bagaimana aku tidak tahu menggunakan ia dalam masakan namun  
mengenali aromanya di mana-mana  
Kayan ini dan kantan itu berkongsi persamaan  
semata-mata perhiasan langsung tidak berguna  
(melainkan apalah taman jika bukan  
sebidang tanah untuk dihiasi benda cantik)

Aku tidak boleh menentukan sama ada aku menyukainya  
kecantikan Singapura datang daripada kebersihannya  
namun kecantikan boleh juga datang dari perkara yang kotor  
dan aku tak pasti jika warga kotanya akan bersetuju dengan hal ini  
tempat ini terasa kerdil dan luas pada masa  
yang sama terasing namun dikenali  
menakutkan betapa besarnya dan menjengkelkan  
betapa sempitnya dan lebih putih berbanding Kuching pada bulan Julai

mungkin sebab jalan-jalannya diberi nama para penjajah mereka  
 merasa seperti berada di kampung halaman mereka terdapat  
 terdapat Jalan Carpenter di Singapura tetapi tidak seperti yang  
 berada di Kuching terdapat ruang kerja bersama menempatkan  
 tukang kayu sebenar


(namun apalah pekerja bebas kalau bukan  
 seorang tukang kayu digital yang membongkik berjam-jam  
 memahat dan meraut dan memaku konsep menggantikan kayu)  
 Ia kelegaan yang memurungkan untuk tahu  
 semua orang sama sahaja  
 tak kira ke mana kita pergi

aku berpuas hati sebab walaupun kampung  
 halamanku berbatu jauh merentasi lautan  
 di taman ini terdapat setangkai  
 bunga kantan yang baunya sama seperti di kampung

(aku akan cuba menjadi  
 sebuah taman sebandang tanah  
 yang menumbuhkan benda-benda cantik)  
 Walaupun hujan tengkujuh membantai jendela  
 aku tidak merasa kesejukan  
 sebab biarpun kampung halamanku 728km jauhnya  
 namun seseorang yang kunamakan rumah  
 sedang nyenyak di sebelahku berpelepah  
 dan berbulu dan selimut gebu  
 akulah makhluk yang menciptakan keselesaiannya sendiri  
 (namun apalah rumah melainkan empat penjuru  
 sebuah pintu boleh selak dan buah hati pengarang jantung  
 sedang tidur jaraknya  
 hanyalah sedepa sahaja).

Ketika suatu masa di dalam sebuah perbincangan tentang sastera pasca-kolonial ditanyakan bagaimana pasca-kolonial harus ditakrifkan, kami daripada negara “pasca-kolonial” membisu dengan persefahaman sama: bagaimanakah wujudnya sebarang cara untuk jelaskan dengan elok apakah kehidupan yang kita lalui tiap-tiap hari?

Shameera Nair Lin



# Detik Aku Diingatkan Tentang “Pasca-” Dalam Pasca-Kolonial Merupakan Penipuan

Shameera Nair Lin

1. Ketika orang tua kulit putih dengan sombongnya mengaku “kita (iaitu nenek moyang Inggerisnya yang dia rasakan perkaitan sangat mendalam hinggakan menggunakan kata ganti nama kelompok) yang bina landasan kereta api engkau(dalam erti kata lain, kawasan yang wujud sekian lama sebelum nama negara yang tertera dalam pasport aku wujud).”

Pemberian agung penuh rahmat daripada British demikian merupakan sumbangan besar demi pembangunan negaraku (dan sebenarnya, aku maksudkan ialah kononnya negaraku yang sampai bila-bila bukan milikku dalam sebarang erti kata bermakna kerana apalah negara jika bukan sebidang tanah yang sempadannya disalah tanda).

Dia tak tahu pun negaraku—bukan yang secara berkala menyuruh separuh daripada kewujudanku harus pulang ke China, namun pengulangan sebelumnya ialah aku tidak akan wujud pun sebab atuk dan nenekku bakal dilahirkan di China atau India—telah menyumbang kepada kemakmuran dan kekayaan negara besar ini. Aku sedikit canggung untuk menerangkan kepadanya sebenarnya negara besar ini telah juga menjarah sumber asli daripada salah sebuah warisan budaya aku dalam masa yang sama memerangi bukan satu tetapi dua Perang Candu terhadap pihak lain. Ini kisah di lain waktu.

2. Ketika di sebuah bilik pameran Asia Selatan Muzium Victoria & Albert, aku berdiri berhampiran dua remaja Asia Selatan dan salah seorang daripada mereka berkata: “Penatlah sial dengan benda ni. Diorang ingat diorang siapa?” Aku sedar yang mereka luahkan ketidakpuasan hati mereka kala kini. Aku pusingkan badan menghadap mereka dan mengangguk perlahan, seolah-olah berkata iya, kami memang penat.

3. Ketika aku dan seorang kawan bincang tentang keutamaan mempelajari bahasa luar kitaran budaya kita dan tetiba bungkam setelah sedari kita selama ini sedang bincangkan bahasa-bahasa Romawi.

4. Ketika salah seorang kawan memberitahu aku dia memutuskan untuk mempelajari bahasa Perancis sebab sejarah budayanya yang kaya dan aku menjawab dengan berseloroh bagaimana kekayaan sesuatu budaya wujud hanya kerana ia mencuri budaya lain dan kami tertawa sebab ia merupakan respon terbaik antara banyak-banyak respon yang tak memadai kami boleh tawarkan.

5. Ketika aku berjalan melepasi pusat bandar Kuala Lumpur setiap pagi dan merenungi tinggalan binaan Empayar ketika terperangkap dalam kesesakan kalakini.

6. Ketika Ratu mangkat.

7. Ketika suatu masa di dalam sebuah perbincangan tentang sastera pasca-kolonial ditanyakan bagaimana pasca-kolonial harus ditakrifkan, kami daripada negara “pasca-kolonial” membisu dengan persefahaman sama: bagaimanakah wujudnya sebarang cara untuk jelaskan dengan elok apakah kehidupan yang kita lalui tiap-tiap hari?

# Nyata

Shameera Nair Lin

Sekali setahun, aku pungut perbualan kita daripada rak kenangan terbuang dan masukkan ke dalam pemain pita.

Aku tekan butang main dan terus menemui baris secara tidak langsung sudah dihafali.

Engkau kata kita semua lebih kurang berkulit perang.

Aku ada soalan:

Apa maksudnya berkulit perang dalam dunia yang ingin padamkan warna dirimu?

\*

Boleh dikatakan kita berdua lebih kurang berkulit perang.

Aku tak mengenal warna aku harus berikan kepada bahagian lain identitiku.

Tak ada sebarang buku atau rencana bercanggah di Malaysiakini atau lagu dapat membantu aku selesaikan misteri ini.

Manakan tidak, I bukan berketurunan Tamil mahupun Tionghua sepenuhnya untuk dianggap dengan lebih terperinci.

Aku hampir kagum dengan cara kau percayakan sesuatu yang aku tidak pernah diizinkan mengimani.

\*



Aku bersila di atas lantai parket dan terus  
melukiskan garis dan bentuk  
penuh rona indah.

Terbongkang merentasi ruang parket ini  
tiada apa-apa tentang gambar di hadapanku  
masuk akal.

\*

Tiap kali aku menggulung semula  
pita aku harus ingatkan diri sendiri:  
Senandung dalam tubuhku  
apabila ia mengikut rentak Boogie Wonderland  
sambil aku menggoyang kepala dengan cara  
yang tidak berkenan sambil melihat dengan penuh  
keletihan tentang perwakilan kaumku.

(Siapa kaumku, aku akan izinkan engkau tentukan kali ini)

Inilah yang menjadikan kehidupan ini nyata.

**Pemudahcara Bengkel**  
Deborah Germaine Augustin  
Mwaffaq Al-Hajjar  
Omar bin Musa

**Penterjemah**  
Amin Kamrani  
Jack Malik

**Karya Kulit**  
Enbah Nilah

**Penyelaras**  
Lily Jamaludin

**Karya ini ditaja oleh**  
Innovation for Change – East Asia dan tersiar  
di <https://eastasia.innovationforchange.net> pada  
November 2022

